

POLISI PENJAGAAN MESRA IBU (Mother Friendly Care)

- 1** Menggalakkan ibu untuk mempunyai teman yang boleh bersama sepanjang proses kelahiran untuk memberi sokongan emosi dan fizikal sewaktu melahirkan.
- 2** Membenarkan ibu mengambil minuman atau makanan yang ringan jika ibu mahu semasa proses kelahiran (bagi ibu berisiko rendah).
- 3** Menggalakkan ibu untuk memilih kaedah penahan sakit yang bukan ubatan melainkan jika diperlukan atau atas permintaan ibu tersebut.
- 4** Menggalakkan ibu berjalan dan bergerak sebelum melahirkan jika mahu dan menggalakkan ibu untuk melahirkan mengikut posisi pilihan kecuali, terdapat halangan perubatan yang boleh mengakibatkan komplikasi dan ianya diterangkan dengan jelas kepada ibu.
- 5** Tidak menggunakan sebarang prosedur invasive seperti memecahkan selaput ketuban, episiotomy, peransang mempercepatkan kelahiran (induction of labour), pembedahan caesarean atau kelahiran dengan bantuan peralatan, melainkan keadaan memerlukan untuk komplikasi dan ianya diterangkan dengan jelas kepada ibu.

KRITERIA BAGI SUAMI/AHLI KELUARGA UNTUK MENEMANI IBU HAMIL SEMASA BERSALIN

- Suami/ahli keluarga telah melengkapkan vaksinasi COVID-19 iaitu
 - 14 hari selepas menerima dos kedua bagi vaksin jenis 2 dos iaitu Pfizer, Sinovac dan Astra Zaneca
 - 28 hari selepas menerima vaksin jenis 1 dos iaitu CanSino dan Johnson & Johnson

Suami/ahli keluarga perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 dalam tempoh 72 jam dan bawa bersama keputusan ujian.

ATAU

Suami/ahli keluarga membeli kit ujian COVID-19 dan membawanya ke hospital bagi menjalani ujian pengesanan sendiri COVID-19 di tempat saringan yang disediakan.



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19